



Pembentangan Belanjawan 2015

Berani dan menyeluruh

Sekalipun defisit, pelbagai pihak sifatkan ia mampu melonjak pembangunan fizikal mahupun intelektual, malah memperbesar kelas masyarakat pertengahan

PROGRAM HIJRAH

Lonjak golongan miskin menjadi kumpulan berpendapatan menengah.

RM 60 juta untuk SKIMSEL

RM40 juta untuk MiMBAR

PELABURAN

RM16.6 juta untuk promosi

Penjenamaan kepada Invest Selangor Bhd



INTERNET

Wifi berkelajuan tinggi percuma

2,500 hotspot



PENDIDIKAN

RM60 juta untuk kemudahan UNISEL


RM10 juta Tabung Biasiswa Selangorku

Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor **RM12 juta**

RM16 juta Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor

Program Hadiah Anak Masuk Universiti **RM8 juta**

Perkenal **Biasiswa Sagong Tasi**



INTELEKTUAL

RM5 juta - 10 biasiswa PHD

RM2 juta - tubuh Institut Darul Ehsan (IDE)

RM2 juta - Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat

PERUMAHAN

15,000 unit Rumah mampu Milik dalam **3 tahun**

RM10 juta untuk **DanaSel**

RM20 juta untuk **Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT)**



BUDAYA

Insentif **terjemahan** karya antarabangsa




Pengisytiharan Kota Seni

PERTANIAN

Peruntukan **RM14.47 juta** dari **RM10 juta**

RM15.3 juta untuk pembangunan **nelayan** dan **petani**



KEJIRANAN HIJAU

Kempen menanam pokok


Laluan basikal, pejalan kaki dan OKU

Kekalkan 250,129 hektar hutan simpan kekal



SUKAN

RM17 juta untuk prasarana



Bawa ke mahkamah jika wujudkan 'kerajaan dalam kerajaan'

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan mengheret Kerajaan Persekutuan ke mahkamah jika berdegil cuba mewujudkan 'kerajaan dalam kerajaan' di Selangor.

Gan Pei Nei (PKR-Rawang) (**gambar**) berkata, ia ditegaskan Exco Selangor, Ean Yong Hian Wah mengenai isu pertindihan kuasa Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan JKKK Persekutuan

dibangkitkan dalam Dewan Negeri Selangor (DNS).

"Pada 2013, kita difahamkan Kerajaan Persekutuan mahu mewujudkan jawatan ahli majlis seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jawatankuasa penduduk seperti JKP.

"Ini menyalahi undang-undang kerana mengikut Perlembagaan, Kerajaan Tempatan dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri," katanya kepada Sela-

ngor Kini, 26 November lalu.

Selain sumber pembiayaan projek meragukan, Pei Nei berkata, perbuatan Putrajaya itu juga memecah belah perpaduan dan persaudaran sesama penduduk kampung.

Beliau bimbang projek yang dibawa JKKK Persekutuan dibuat tanpa kelulusan PBT atau Pejabat Tanah sehingga menyebabkan berlaku pertindihan.

"Pernah berlaku satu jalan diturap dua kali oleh JKKK Persekutuan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan JKKK. Ini membazirkan wang rakyat," katanya.

Katanya, JKKK Persekutuan wujud sejak Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Selangor manakala pelan melaksanakan JKP Persekutuan belum dilaksanakan setakat ini.



Belanjawan Selangor RM2.42 bilion


BELANJAWAN Selangor 2015 berjumlah RM2.42 bilion sarat dengan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat menghadapi peningkatan kos sara.

Sebanyak 53.19 peratus bersamaan RM1.9 bilion diperuntuk kepada perbelanjaan mengurus manakala perbelanjaan pembangunan RM1.133 bilion atau 46.81 peratus.

Dalam peruntukan mengurus, RM385 juta adalah emolumen dan RM443.5 bagi perkhidmatan dan bekalan manakala RM17.6 juta untuk pembelian aset.

Sejumlah 426 juta untuk pemberian dan bayaran tetap manakala RM16 juta bagi perbelanjaan lain.

Bagi pembangunan, sebanyak RM277.3 juta diperuntuk bagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan perkhidmatan masyarakat, pembangunan luar bandar



dan pembangunan usahawan (RM106.6 juta).

Sejumlah RM100.2 juta pula diperuntuk kepada pembangunan sosial termasuk pendidikan, perumahan, pembangunan belia dan sukan serta

pembangunan insan.

Sebanyak RM44.4 juta bagi pengambilan balik tanah, pentadbiran am (RM33.8 juta), pembangunan adat Melayu dan warisan serta pelancongan (RM9.25 juta).



Lonjak golongan miskin, pacu intelektual

BELANJAWAN Selangor 2015 menggariskan enam strategi yang menyentuh kepentingan segenap aspek dan lapisan masyarakat.

Walaupun Selangor penyumbang terbesar ekonomi Malaysia, pentadbiran Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali melalui enam strategi itu bercita-cita untuk berkembang lebih pesat dan memastikan pertumbuhan berkualiti.

Katanya, Selangor perlu bersedia menerima tekanan dari segi pembangunan ekonomi, fizikal dan infrastruktur, sosial dan utiliti tanpa mengabaikan aspek alam sekitar, sejarah dan budaya.

Untuk itu, beliau mahu tumpuan diberi kepada sektor sebenar ekonomi.

Walaupun Pelaburan Langsung Asing (FDI) memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi, usaha memanfaatkan potensi belum diteroka dalam pelaburan domestik.

Ia termasuk mencipta peluang pekerjaan, peningkatan

produktiviti dan peningkatan rantaian nilai daripada aktiviti berasaskan pekerja berkemahiran rendah kepada aktiviti pekerja berkemahiran tinggi.

Bagi strategi pertama, program HIJRAH diperkenal termasuk memperkasa pembiayaan Skim Mokrokredit Selangor (SkimSel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMbar) bagi melonjak golongan miskin berhijrah ke kumpulan pendapatan menengah.

Ini berikutan 30 peratus penduduk Selangor di bawah garis kemiskinan yang ditetapkan Kerajaan Selangor berbanding paras yang diguna pakai Kerajaan Persekutuan, hanya 0.4 peratus sahaja.

Bagi strategi ke-2, penekanan diberi kepada pelaburan, pendidikan, perumahan rakyat dan pelancongan bagi menjana pendapatan negeri terutama dari aspek pelaburan.

Kerajaan Negeri mahu mencipta kawasan baru yang menyokong kegiatan perkilangan dan pengembangan sektor

perkhidmatan melalui kepentingan pelaburan.

Aspek pendidikan dapat menjamin kesinambungan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamis melalui pengangkatan mutu pendidikan berkualiti dan bertaraf global.

Aspek perumahan mensasar matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna' yang dicapai melalui memperbanyak rumah mampu milik yang disokong pembiayaan Skim Pembiayaan Perumahan Selangor (DanaSel), selain menubuh Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT).

Sektor pelancongan diberi keutamaan, apatah lagi pengisytiharan Tahun Melawat Selangor 2015 yang menampilkan 27 acara dengan tiga produk sebagai tumpuan.

Dalam memberdaya ekonomi hawa dan generasi muda, diberi kepada keusahawanan dan dokongan ekonomi digital yang digerakkan melalui capaian internet berkelajuan tinggi.

Sistem maya, Wahana Pemasaran Keusahawanan Se-

6 Strategi Belanjawan Selangor 2015

- Memperbesar lapisan kelas menengah
- Menjana pertumbuhan berkualiti
- Memberdaya ekonomi hawa dan generasi muda
- Pembangunan kejurangan hijau
- Menjana industri budaya dan intelektual
- Menyemarak ekonomi desa

langor akan dibangunkan manakala peranan SHRDC (Selangor Human Resource Development Centre) menumpu latihan teknikal dan vokasional.

SHRDC melalui peranan Kerajaan Negeri akan berkolaborasi dengan Unisel, KUIS dan INPENS bagi menghantar bakat ke sektor industri tertentu.

Dalam strategi ke-5, pemin-

dahan ilmu melalui peranan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) perlu supaya kegiatan ekonomi juga bersinsung secara holistik, tidak terbatas kepada produk fizikal.

Bagi menyemarak ekonomi desa, Selangor mengambil langkah bagi meningkatkan kemahiran warga peladang, penternak dan nelayan untuk menguasai teknologi terkini.



Tidak populis tapi bertanggungjawab

PENGARAH Pusat Penyelidikan dan Pembangunan PAS, Dr Dzulkefly Ahmad menyifatkan Belanjawan Selangor 2015 sebagai terarah ke matlamat, berani dan bertanggungjawab.

Sekalipun defisit bernilai RM450 juta tetapi beliau menganggap belanjawan itu lebih baik berbanding belanjawan sebelumnya dan bukan bersifat populis.

"Ia lebih baik dari belanjawan lalu yang menggunakan 66.2 peratus untuk mengurus dan 33.8 peratus untuk pembangunan," katanya kepada Selangor Kini.

Dr Dzulkefly juga tertarik dengan strategi belanjawan kali ini yang bersungguh-sungguh untuk 'membesarkan lapisan kelas menengah' dan ia strate-

gik serta penting.

"Mengikut laporan terbaru United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia, kelompok kelas menengah di Malaysia beku atau 'stagnation' sekitar 20 peratus.

"Ia jauh berbanding Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura sekitar 50 hingga 55 peratus," katanya.

Sebagai negeri terkaya dan termaju, katanya, Selangor wajar memiliki kelas menengah atas lebih lebar dengan kerancakan pelaburan dan kegiatan ekonomi bernilai tambah lebih tinggi.

Kata Dzulkefly, RM277.3 juta untuk program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) selain pelbagai peruntukan lain, membuktikan keprihatinan



Dr Dzulkefly

terhadap kebajikan rakyat seluruhnya.

"Golongan berpendapatan rendah berpeluang memasuki kelompok menengah rendah dengan pelbagai program meningkatkan pendapatan," katanya.

MB: Amalan defisit sejak dari zaman Khalid



DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali sekali lagi menegaskan pentadbiran Kerajaan Negeri sebelum ini membentangi belanjawan defisit.

Katanya, belanjawan yang dibentangi bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim selama ini bukan belanjawan berimbang seperti dakwaannya.

Bercakap kepada media di lobi DNS, beliau menasihati Abdul Khalid supaya bercakap

berdasarkan fakta sebenar.

"Kalau bandingkan anggaran perbelanjaan dengan rezab memang ada lebihan. Tapi, jika bentangi belanjawan, kena bandingkan anggaran perbelanjaan dengan hasil.

"Kalau hasil lebih besar daripada perbelanjaan, bolehlah dipanggil lebihan, tetapi jika hasil lebih rendah daripada perbelanjaan keseluruhan belanjawan, maka itu defisit.

"Tidak boleh bandingkan

dengan jumlah rezab, tetapi bandingkan dengan perbelanjaan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Abdul Khalid yang mendakwa kerajaan Selangor ketika pimpinannya tidak pernah membentangi belanjawan defisit.

Pada 24 November lalu, Mohamed Azmin pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015 menyatakan defisit kali ini, sama dengan amalan pentadbiran sebelum ini.

Belanja mengurus menurun ke 53 peratus

SEKALIPUN Belanjawan Selangor 2015 defisit, ia belanjawan terbesar sepanjang pemerintahan Pakatan Rakyat di negeri itu.

Jumlahnya RM2.42 bilion dengan defisit RM450 juta berbanding RM1.85 bilion yang dibentangi bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata belanjawan yang dibentangkannya menurunkan belanja mengurus dan meningkatkan belanja pembangunan.

Menurunkan belanja me-

ngurus ke tahap 53 peratus, beliau berkata, ia tindakan berani dan drastik demi mendapatkan kesan gandaan daripada aktiviti pembangunan di Selangor.

"Dengan meningkatkan belanja pembangunan, saya yakin ia dapat membantu yang saya sebutkan tadi, kesan gandaan dari segi aktiviti pembangunan di Selangor dan tingkatkan hasil.

"Saya yakin hasil yang kita kutip itu jauh lagi besar dari yang kita anggarkan dan ia dapat membiayai defisit," katanya.

Azmin jamin tiada belanjawan tambahan

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memberi jaminan beliau tidak akan membentangi belanjawan tambahan berikutan Belanjawan Selangor 2015 meliputi jumlah keseluruhan perbelanjaan pentadbiran sepanjang tahun.

Katanya, ia bertentangan dengan amalan sebelum ini yang memperuntukkan sebahagian sahaja ketika membentangi belanjawan, kemudian memohon

peruntukan tambahan beberapa bulan berikutnya.

"Saya rasa amalan ini tidak begitu sihat. Gaji kakitangan contohnya, kita sepatutnya sudah tahu jumlah yang diperlukan dalam masa satu tahun itu.

"Jadi, kenapa tidak bentangi jumlah keseluruhannya," katanya pada sidang media sejour selepas pembentangan Belanjawan Selangor 2015.

Ambil alih ABBAS, SPLASH suku ke-3 2015

KERAJAAN Selangor dijangka memuktamad pengambilalihan saham dua lagi syarikat konsesi pada suku ketiga 2015, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, tempoh itu mengikut syarat perjanjian yang dipersetujui dan ditandatangani pentadbiran bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Katanya, pentadbiran itu mensyaratkan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menandatangani pembelian saham dengan Splash dalam tempoh setahun, selepas tarikh 12 November lalu.

"Pengambilalihan dua lagi syarikat konsesi iaitu ABBAS dan Splash akan mengikut kerangka dasar yang menjamin

kepentingan rakyat," katanya.

Mohamed Azmin turut memaklumkan DNS beberapa terma perjanjian perstrukturian industri perkhidmatan air.

"Umumnya, antara persetujuan itu ialah untuk saling memudahkan cara bagi menjayakan penstrukturian industri perkhidmatan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Juga penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilalihan ekuiti syarikat konsesi, persetujuan untuk sewa tapak bekalan air.

"Seterusnya, penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan industri perkhidmatan air kepada Air Selangor dan pemberian lesen perkhidmatan kepada syarikat Air Selangor," katanya.

Tabung Biasiswa Selangorku



KERAJAAN Selangor memperuntuk RM10 juta setahun untuk Tabung Biasiswa Selangorku khusus untuk anak Selangor dari desa dan keluarga berpendapatan rendah.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata peruntukan itu diberi kepada mahasiswa Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (Kuis).

Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor untuk kedua-

dua institusi itu diperkenalkan dengan peruntukan RM12 juta setahun.

Ia sebagai bantuan awal sebelum mereka menerima pendahuluan pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau pembiayaan lain.

Kerajaan Negeri juga meneruskan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor berjumlah RM16 juta sebagai kemudahan pinjaman boleh

ubah kepada pelajar cemerlang.

Program Hadiah Anak Masuk Universiti turut diteruskan dengan peruntukan RM8 juta kepada mahasiswa Sarjana Muda dan Diploma sepenuh masa dari keluarga berpendapatan kurang RM3,000 sebulan.

Mereka akan menerima RM1,000 selepas mendaftar diri untuk tahun pertama universiti.

Terdahulu, Mohamed Azmin berkata, membelanjakan RM60

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

RM60 JUTA untuk **UNISEL** pada tahun 2014

RM23.05 JUTA membaik pulih asrama UNISEL

RM40.73 JUTA baik pulih sistem pembentungan di Kampus Bestari Jaya

RM2.65 JUTA menaik taraf sistem rangkaian komputer

juta kepada UNISEL bagi menjamin suasana pembelajaran kondusif.

Ia termasuk RM40.73 juta bagi membaik pulih sistem pembentungan di Kampus Bestari Jaya manakala RM2.65 juta

untuk menaik taraf sistem rangkaian komputer.

"Pendidikan adalah pelaburan modal insan untuk menjamin kesinambungan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamis," katanya.

PENDAPAT PEMIMPIN

Penubuhan Institut Darul Ehsan diyakini melonjak tradisi keilmuan di negeri ini sebagai pelaburan pendidikan masa depan melalui kecemerlangan pelbagai pihak termasuk mahasiswa, ahli akademik, pemikir dan sebagainya.

Ini satu program yang baik dan saya harap jaringan dengan ilmuwan ini boleh meneruskan program jejak ilmuwan yang saya asaskan dahulu.

Dr Halimah Ali
PAS - Selat Klang



Kita kena matangkan bahasa kita. Kalau cari sumber, hampir semua dalam bahasa Inggeris. Sekarang, kita terdedah dengan ilmu sebab semakin global tetapi kalau kita terkongkong dengan bahasa kita, suruh orang terjemahkan akan jadi terhad.

Dr Idris Ahmad
PKR - Ijok

Tubuh Institut Darul Ehsan (IDE)

KERAJAAN Selangor menubuh Institut Darul Ehsan (IDE) dengan geran awal RM2 juta bagi merangka kebijakan dan menerapkan pemikiran progresif.

Selain itu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata sebanyak 10 biasiswa bagi pengajian bidang strategik dan kritikal disediakan.

Sejumlah RM5 juta diperuntuk bagi pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) itu bagi memperbesar brain bank (bank pemikiran) dalam kalangan anak Selangor.

"Ini membuktikan komitmen kita terhadap agenda pendidikan dan pengembangan keupayaan dan kecendekiawan," katanya.

Penubuhan IDE dan dilihat sebagai antara pembaharuan penting bagi memacu nilai intelektual ke tahap peringkat tertinggi.

RM5 Juta membesarkan 'BRAIN BANK' Negeri Selangor


10 Biasiswa PHD

ditaja sepenuhnya bagi pengajian bidang-bidang strategik dan kritikal

RM2 Juta Mewujudkan

INSTITUT DARUL EHSAN

Sebagai wahana untuk merangka kebijakan-kebijakan serta menerapkan pemikiran progresif demi kecemerlangan Selangor





10 tempat di UNISEL untuk orang Asal

KERAJAAN Selangor menawarkan 10 tempat di Unisel untuk anak orang Asal yang akan dibiayai sepenuhnya, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015, beliau berkata, pembiayaan dibuat melalui tabung biasiswa dikenali sebagai Sagong Tasi.

Nama itu bersempena kesungguhan seorang individu dari suku Temuan bersama enam rakannya mempertahankan tanah adat selama 15 tahun.

Mereka memfail saman selepas 38 ekar tanah adat diambil Kerajaan Persekutuan tanpa pampasan bagi membina lebuh raya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Saman dibuat terhadap Kerajaan Persekutuan, kerajaan Selangor dan Lembaga Le-

buhaya Malaysia (LLM) dan kontraktor United Engineers Malaysia Bhd (UEM).

Pada 22 April 2009, Kerajaan Selangor pimpinan Pakatan Rakyat menarik diri.

Akhirnya, Mahkamah Persekutuan pada Mei 2011 mengiktiraf hak orang Asal terhadap tanah adat di Bukit Tampoi, Dengkil dan Sagong serta memperoleh pampasan RM6.5 juta.



Pembiayaan dibuat melalui tabung biasiswa dikenali sebagai Sagong Tasi

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar.

2 juta untuk tahfiz di KUIS

SEJUMLAH RM2 juta khusus bagi Program Pendidikan Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qirat yang ditawarkan KUIS dibiayai kerajaan Selangor.

Ia dibuat melalui kerjasama dengan perbadanan dan anak syarikat Kerajaan Negeri sekaligus menjadikan KUIS

sebagai berstatus universiti penuh.

"Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat sektor pendidikan agama bagi pembangunan rohani untuk mengimbangi pembangunan material," kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.



Peruntukan
RM2 Juta

Khusus bagi program tahfiz dibiayai dengan kerjasama di antara Kerajaan Negeri, Perbadanan dan anak syarikat negeri



Ini akan menjadikan KUIS segera berstatus Universiti penuh

Tabung Biasiswa Selangorku Untuk anak Selangor yang menuntut di UNISEL dan KUIS	RM10 JUTA
Biasiswa Sagong Tasi Anak-anak orang asli dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri	10 TEMPAT DI UNISEL
Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor Untuk anak Selangor yang menuntut di UNISEL dan KUIS	RM12 JUTA
Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor Pinjaman boleh ubah kepada pelajar cemerlang di Selangor	RM16 JUTA
Hadiah Masuk Universiti Menerima RM1000 setiap seorang anak Selangor yang melanjutkan pelajaran diperingkat diploma & sarjana muda	RM8 JUTA

PENDAPAT PEMIMPIN

Kerajaan Negeri komited untuk memantapkan pendidikan tinggi agama untuk menghasilkan graduan anak Selangor yang berdaya saing.



Peruntukan RM2 juta bagi Program Pendidikan Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat akan menjadikan Kuis ke taraf universiti penuh.

"Tahfiz menjadi pilihan ramai, tetapi persoalan yang jadi isu, apa pilihan penuntut-penuntut kita? Adakah mereka mahu belajar agama atau bidang akademik lain? Itulah tujuan adanya program ini untuk membolehkan penuntut ke tahap seterusnya."

Exco Pendidikan Nik Nazmi Nik Ahmad

Saya amat mengalu-alukan perhatian kepada pengukuhan pendidikan aliran agama di Selangor.

"Berkembangnya tarbiyah Islam supaya orang Islam lebih beriman dan takwa menghasilkan modal insan yang berkualiti. Ini saya sokong. Bahkan saya harap tahun depan peruntukan diperluaskan bukan sahaja untuk aliran agama Islam, tetapi juga aliran Cina, Tamil dan sekolah-sekolah persendirian sekiranya kita mampu," kata Adun Sekinchan itu.

Ng Suee Lim
Adun Sekinchan



Walaupun setiap tahun pendidikan aliran agama diberi peruntukan RM6 juta, masih banyak yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memenuhi keperluan pendidikan agama yang berkualiti.

"Dengan keperluan ini, peruntukan yang lebih baik untuk mengoptimumkan perancangan Kerajaan Negeri terutamanya untuk menambah sekolah integrasi Tahfiz Sains.

Dr Ahmad Yunus Hairi
Exco Hal Ehwal Agama

Pembangunan rumah mampu milik

RUMAH SELANGORKU

'Satu keluarga satu kediaman'

Kelulusan segera

Diskaun premium 10% dari nilai tanah semasa

Pengecualian caj pemajuan

Pertimbangan penambahan kepadatan (density) sehingga 120 unit per-ekar

Sasaran 15,000 unit dalam tempoh 3 tahun

Kelulusan segera (fast track) bagi proses yang terlibat dengan agensi kerajaan

KERAJAAN Selangor bercadang memberi insentif bagi menggalakkan penyertaan pemaju swasta dalam pembangunan rumah mampu milik.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pembinaan rumah mampu milik secara besar-besaran boleh dilaksanakan melalui kerjasama konstruktif dengan pemaju swasta.

Pemberian insentif itu dilaksanakan dengan syarat pembinaan dilakukan pada 2015 dan siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun dari tarikh kelulusan PBT.

Sebanyak 15,000 unit Rumah Selangorku pelbagai jenis disasar untuk dibina dalam tempoh tiga tahun mulai 2015.

Kerajaan Negeri juga akan mengenal pasti kawasan strategik untuk pembinaan rumah mampu milik secara besar-besaran.

Cadangan ini berikutan ramai pemaju yang diberi kebenaran merancang dalam tempoh lima tahun di beberapa kawasan perbandaran utama mendahulukan pembinaan perumahan bernilai tinggi.

Bagaimanapun, mereka gagal memulakan projek rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan rumah kos sederhana.

“

Pembinaan rumah mampu milik secara besar-besaran boleh dilaksanakan melalui kerjasama konstruktif dengan pemaju swasta. Pemberian insentif itu dilaksanakan dengan syarat pembinaan dilakukan pada 2015 dan siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun dari tarikh kelulusan PBT.

MOHAMED AZMIN
Dato Menteri Besar

“Ini menyebabkan Kerajaan Selangor gagal mendapatkan unit rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi rakyat berpendapatan rendah.

“Pemaju sering memberi alasan subsidi RM40,000 untuk seunit rumah kos rendah memberi tekanan kewangan kepada mereka,” kata Mohamed Azmin.

Masalah kediaman pekerja ladang selesai

KERAJAAN Selangor komited menyelesaikan isu perumahan lebih 400 keluarga bekas pekerja ladang dipindah dari beberapa ladang akibat pelaksanaan projek Putrajaya.

Ladang terbabit ialah Ladang Perang Besar, Ladang Medingly, Ladang Galway dan Ladang Sedgely yang dipindah ke Taman Permata Dengkil, Sepang.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Selangor sudah selesai projek pengambilan tanah seluas 30 ekar milik Sime Darby di Mukim Dengkil pada Oktober 2014 lalu.

Beliau berkata, ia membabitkan pampasan RM12.1 juta yang sudah dibayar pada 18 November lalu.

Katanya, tapak milik Kerajaan Negeri akan dibangunkan Kerajaan Persekutuan yang mengikut perjanjian bersetuju membiayai kos pembinaan 400 unit rumah teres satu tingkat untuk penduduk terbabit.

Dana RM20 juta pulih projek terbengkalai

KERAJAAN Selangor memperuntuk RM20 juta sebagai dana pusingan bagi membiayai Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT).

“Sebagai permulaan 2015, empat projek melibatkan 956 unit rumah kos rendah dikenal pasti untuk dipulihkan TEPAT,” kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Sebelum ini, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata TEPAT mengutamakan rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kos sederhana.

“Setakat ini, empat projek perumahan terbengkalai melibatkan hampir 1,000 unit kediaman dikenal pasti untuk dipulih,” katanya 24 Oktober lalu.

“

Setakat ini, empat projek perumahan terbengkalai melibatkan hampir 1,000 unit kediaman dikenal pasti untuk dipulih

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sudah mengenal pasti 19 projek perumahan terbengkalai yang berpotensi untuk dibaik pulih manakala 15 lagi dalam proses perbincangan.

Kerajaan Negeri sebelum ini menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) bagi membantu pemaju dan pembeli projek terbengkalai mencari jalan penyelesaian.



TABUNG PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI (TEPAT)
Dana pusingan sebanyak **RM20 juta** melibatkan **956** unit rumah kos rendah akan dipulihkan



DANA-SEL

(Skim pembiayaan perumahan Selangorku)

Peruntukan permulaan sebanyak

RM10 juta

Peneroka bandar diberikan rumah kos rendah untuk **disewa** dan seterusnya **memiliki** rumah tersebut

RM30 juta bantu rakyat miliki rumah

SEJUMLAH RM30 juta diperuntuk bagi membantu rakyat negeri itu memiliki kediaman sendiri, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Peruntukan itu disalurkan bagi melaksanakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) dengan peruntukan permulaan RM10 juta.

Ia disalurkan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi menyelesaikan masalah peneroka bandar menggunakan konsep sewa dan milik.

"Peneroka bandar diberi rumah kos rendah untuk disewa dan memiliki rumah itu setelah tempoh penyewaan mencapai tempoh matang mengikut perjanjian sewa dan milik," katanya.

Kerajaan Negeri maklum wujud pelbagai masalah bagi peneroka bandar yang mendapat tawaran rumah kos rendah memperoleh pinjaman perumahan akibat faktor usia dan tiada pekerjaan tetap.

Nazri Alias (*gambar*), 35, yang ditemui berkata, sebagai rakyat Selangor, dia bersyukur dengan peruntukan yang diberi.

"Rakyat Selangor harus rebut peluang kerana belanjawan ini memberi manfaat dan ruang luas kepada orang ramai.

"Contohnya perumahan, ia waktu terbaik untuk memiliki rumah bila satu dana besar dikhaskan bagi membantu rakyat. Generasi muda perlu rebut peluang ini untuk masa depan mereka," katanya.



Timbalan Speaker baru

SHAFIE Ngah (PAS-Bangi) dilantik secara rasmi sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS) baharu berkuat kuasa 24 November lalu.

Beliau mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan di hadapan Speaker, Hannah Yeoh sambil disaksikan pimpinan negeri.

Pencalonan Shafie dilakukan Iskandar Abdul Samad (PAS-Chempaka) dan disokong Dr Abdul Rani Osman (PAS-Meru).

Pemilihan dilakukan secara undi sulit manakala semua wakil rakyat dari Barisan Nasional (BN) mengambil keputusan tidak mengundi.

Shafie menewaskan Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan) apabila mendapat 28 undi berbanding 14 undi.

Kekosongan itu wujud berikutan penyandang, Nik Nazmi Nik Ahmad (PKR-Seri Setia) meletak jawatan berikutan dilantik sebagai Exco Selangor.



Pengalaman pertama kendali perbahasan dewan

GELAR menggelar yang meriuhkan suasana perbahasan menjadi pengalaman pertama Shafie Ngah (PAS-Bangi) sebagai Timbalan Speaker DNS.

Ia dimulakan Ketua Pembangkang DNS, Datuk Mohd Shamsudin Lias yang merujuk Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai 'Ketum' - singkatan kepada Ketua Umum PKR.

Ia berlarutan apabila Ng Sue Lim (DAP_Sekinchan) memba-

las dengan memanggil Shamsudin dengan singkatan 'Kekang' merujuk kepada Ketua Pembangkang.

Berikutan itu, Shafie menasihati mereka menggunakan singkatan yang lebih sopan selepas Lau Weng San (DAP-Kampung Tunku) menegur penggunaan singkatan itu.

Demikian antara pengalaman hari pertama Shafie yang pelantikan rasminya berkuat

kuasa 24 November lalu.

"Saya seronok. Ini pengalaman pertama yang mengujakan dan saya akan galasnya dengan baik untuk hari-hari mendatang.

"Gelar-menggelar itu perkara biasa dalam mana-mana dewan. Bezanya bila saya di hadapan (timbangan speaker), saya perlu kawal supaya tidak jadi tegang," katanya kepada Selangor Kini.

Adun Umno patut bersyukur

ADUN Umno-BN sepatutnya bersyukur atas pemberian peruntukan RM200,000 kepada mereka, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Mereka patut bersyukur, berterima kasih kerana ini langkah

mengiktiraf pembangkang," katanya dan mengulangi pemberian itu berniat baik dan adil.

"Mereka akan uruskan RM200,000 sementara penyelarasan DUN pula RM500,000 menjadikan jumlah diterima rakyat

RM700,000 iaitu jumlah sama di setiap DUN.

Beliau berkata, peruntukan itu turut diagih kepada DUN Pelabuhan Klang yang diwakili Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, satu-satunya wakil rakyat bebas di Selangor.

PERUNTUKAN ADUN Di bawah program mesra rakyat

ADUN KERAJAAN
Dari RM600,000
ke RM700,000

ADUN PEMBANGKANG
Dari RM0
ke RM200,000



Ketua Pembangkang terima RM100,000

KETUA Pembangkang DNS, Datuk Shamsuddin Lias hari ini menerima keistimewaan dan kemudahan bernilai RM100,424.88 setahun sebagai menghargai peranannya dalam kerajaan negeri.

Ia merangkumi elaun tetap, bayaran gaji pemandu (termasuk elaun), bayaran gaji setiausaha kerja (termasuk elaun) dan kereta rasmi kerajaan negeri, sebuah Toyota Camry.

Speaker DNS, Hannah Yeoh, berkata keistimewaan itu diberi atas persetujuan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan yang bermesyuarat pada 25 Ogos 2013.

Katanya, Ketua Pembangkang adalah komponen kerajaan yang berperanan sebagai 'semak dan imbang' kepada Kerajaan.

"Ia diberi supaya beliau boleh menjalankan tugas dengan lebih efisien. "Ini memperlihatkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam merai amalan demokrasi berparlimen," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pada Majlis Penyerahan Kenderaan Rasmi kepada Ketua Pembangkang di sini, 24 November lalu.

Terima kereta tapi tolak RM200,000

DUA belas Adun Barisan Nasional (BN) menolak cadangan peruntukan RM200,000, kata Ketua Pembangkang DNS, Datuk Mohd Shamsudin Lias.

"Kita Adun BN mengucapkan terima kasih cadangan itu tetapi kita menolak. Kita mahu melihat apa rasionalnya pemberian berkenaan," katanya.

Beliau mempersoal keikhlasan cadangan itu dengan alasan Penyelaras Adun juga menerima peruntukan Kerajaan Negeri sedangkan 12 Adun BN dipilih rakyat.

"Buat apa ada penyelaras DUN?" katanya pada sesi perbincangan 25 November lalu.

Shamsudin bagaimanapun menerima pemberian kereta rasmi Ketua Pembangkang dan keistimewaan lain.

Kenderaan rasmi untuk Ketua Pembangkang

JANGAN politikkan pemberian kenderaan rasmi Kerajaan Selangor kepada Ketua Pembangkang DNS, kata Speaker, Hannah Yeoh.

Beliau menolak andaian kononnya ia gimik kerana hal itu dipersetujui dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan pada 25 Ogos 2013.

"Jawatankuasa itu ada tujuh ahli dan Adun Sungai Buntung adalah seorang daripada me-reka.

"Tidak timbul isu gimik kerana keputusan Jawatankuasa itu dipanjangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan diluluskan bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Malah, ia sudahpun diumumkan pada sidang DNS lalu," kata kepada pemberita pada sidang media 25 November lalu.

Hannah berkata, pemberian itu bukan untuk individu sebaliknya kepada sesiapa jua yang berperanan sebagai ketua pembangkang.

"Kemudahan diberi supaya



dapat jalankan tugas dengan efektif. Jika amalan 'check and balance' berkesan, yang terima manfaat, tentulah rakyat," katanya.

"Kemudahan diberi supaya dapat jalankan tugas dengan efektif. Jika amalan 'check and balance' berkesan, yang terima manfaat, tentulah rakyat"
HANNAH YEOH, Speaker DNS



Bekas MB tinggalkan dewan

BEKAS Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dilihat meninggalkan sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) ketika sesi pembentangan Belanjawan Selangor 2015 hampir bermula.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin mengunjungi dan bersalaman dengan

Abdul Khalid di tempatnya sebelum sidang DNS bermula.

Abdul Khalid duduk di kerusi yang sebelum ini diduduki ADUN Kajang, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail bersebelahan ADUN Permatang, Sulaiman Abdul Razak dan ADUN Bangi, Shafie Ngah.

Peruntukan Adun dinaikkan RM700,000

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mencadangkan peruntukan Adun ditingkatkan kepada RM700,000 setahun.

Beliau berkata, keputusan itu diambil bagi meningkatkan khidmat wakil rakyat menerusi Program Mesra Rakyat.

"Saya mencadangkan peruntukan ahli dewan negeri kerajaan ditingkatkan sebanyak RM100,000 menjadi RM700,000 setahun.

"Mulai 2015, peruntukan ADUN turut dipanjangkan kepada ADUN pembangkang dengan peruntukan sejumlah RM200,000 setahun," katanya.

Peruntukan itu juga akan diterima ADUN Bebas yang juga bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Dicadangkan sejumlah RM100,000 setahun diperuntuk kepada penyelaras parlimen yang dilantik oleh kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, Ketua Pembangkang DNS, Datuk Shamsuddin Lias menghargai usaha Kerajaan Selangor mengiktiraf peranannya dan berjanji menjalankan tugasnya sebaik mungkin.

"Saya menghargai pengiktirafan, sokongan dan kemudahan yang diberi Kerajaan Negeri kepada saya selaku ketua pembangkang.

"Saya berjanji akan memainkan peranan dan memberi kerjasama baik untuk menyaksikan sistem demokrasi berjalan lancar," katanya.



Dari meja Ketua Pembangkang

Harap kerjasama yang lebih erat

KETUA Pembangkang DNS, Datuk Mohd Shamsudin Lias berharap kerajaan Selangor lebih mesra dengan Kerajaan Pusat dalam pelaksanaan projek di negeri itu.

Pada sesi perbahasan, katanya, Kerajaan Negeri patut bekerjasama untuk menyiapkan projek Kerajaan Pusat dengan tidak melaksanakan syarat ketat.

"Apabila dibantah seperti Lebu Raya Kidex dan Projek Langat 2, ia akan mening-

katkan kos," katanya.

Katanya, Kerajaan Pusat banyak membuat projek besar di Selangor dalam Belanjawan 2015 Kerajaan Pusat termasuk cadangan membina lima lebuh raya baharu.

Bagi menjayakannya, beliau berharap kerjasama yang lebih erat dengan agensi terlibat.

"Kos meningkat merugikan rakyat, rundinglah secara terbuka dan ikhlas, bukan berpolitik," katanya.

Pertikai usaha tangani banjir

KETUA Pembangkang DNS, Datuk Shamsudin Lias mempertikai keupayaan Kerajaan Selangor dalam menangani masalah banjir di Klang dan Kajang.

Malah, beliau menyifatkan peruntukan diumumkan bagi mengatasi masalah itu seolah-olah tidak memberi kesan kerana banjir kilat terus berulang.

"Adakah ia sekadar pengumuman atau ada penyalahgunaan kuasa dalam pelaksanaan projek?" katanya pada sesi perbahasan 25 November lalu.

Beliau turut menggesa kerajaan Selangor lebih peka dan bijak dalam menangani banjir kilat.

"Masalah itu memerlukan jalan penyelesaian terbaik berikutan peruntukan diberi mencukupi," katanya.

Tutup Pejabat Penasihat Ekonomi

KETUA Pembangkang DNS, Datuk Mohd Shamsudin Lias mencadangkan Kerajaan Negeri menutup Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor.

Beliau menganggap peranan yang disandang Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak membawa manfaat, malah kos pengurusan pejabat itu membazir wang rakyat.

"Sepanjang penubuhannya, tidak banyak kejayaan diberi kepada Selangor," katanya.

Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor ditubuh pada 2009 yang berperanan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran Anwar dalam bidang ekonomi dan kewangan. Sebelum dipecat dari Umno, Anwar pernah menyanggah jawatan sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Shamsudin juga menyifatkan penubuhan pejabat itu fungsinya bertindih dengan Invest Selangor Berhad, malah hanya bersifat politik.

Patuh tiga syarat ditetapkan

PIHAK konsesi Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) perlu mematuhi tiga syarat yang ditetapkan Kerajaan Selangor jika meneruskan projek kontroversi itu.

Kajian mengenai semua penilaian impak perlu membuktikan manfaat kepada pengguna penduduk setempat dengan mengambil kira kesan negatif akibat pembinaannya.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia dikenakan ke-

rana Kerajaan Selangor mahu pembinaan lebuh raya memberi manfaat kepada pengguna dan penduduk sekitarnya.

"Kita prihatin dengan kegelisahan penduduk yang terlibat dalam projek KIDEX. Kita tidak menolak pembinaan lebuh raya.

"Namun, Kerajaan Persekutuan perlu terbuka kepada cadangan

lain yang boleh meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam," katanya.



Tiga syarat untuk konsesi KIDEX

- Menyediakan Penilaian Impak Lalu Lintas, Penilaian Impak Sosial dan Penilaian Impak Alam Sekitar
- Dedah kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk kenaikan dengan memberi anggaran rasmi jumlah yang dikutip dan kadar pulangan pelaburan
- Dedah perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar kerajaan Pakatan Rakyat.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
28 NOVEMBER - 5 DISEMBER 2014							
5 - 12 SAFAR 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Jumaat	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
29 Sabtu	5:33	5:43	7:04	1:04	4:27	7:01	8:15
30 Ahad	5:33	5:43	7:05	1:05	4:27	7:01	8:15
01 Isnin	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:01	8:15
02 Selasa	5:34	5:44	7:06	1:05	4:28	7:02	8:16
03 Rabu	5:34	5:44	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16
04 Khamis	5:35	5:45	7:07	1:06	4:29	7:03	8:17
05 Jumaat	5:35	5:45	7:07	1:06	4:29	7:03	8:17
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Jumaat	5:34	5:44	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16
29 Sabtu	5:34	5:44	7:06	1:06	4:29	7:03	8:17
30 Ahad	5:35	5:45	7:07	1:07	4:29	7:03	8:17
01 Isnin	5:36	5:46	7:07	1:07	4:29	7:03	8:17
02 Selasa	5:36	5:46	7:08	1:07	4:30	7:04	8:18
03 Rabu	5:36	5:46	7:08	1:08	4:30	7:04	8:18
04 Khamis	5:37	5:47	7:09	1:08	4:31	7:04	8:19
05 Jumaat	5:37	5:47	7:09	1:08	4:31	7:05	8:19



KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)**	Taraf/Jenis Syarikat	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN KERJA-KERJA PEMULIHARAAN (CONSERVATION) DAN MENAIKTARAF UNTUK MASJID DIRAJA SULTAN SULEIMAN, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN NO. TENDER: JKR/SEL/(N)/033(T)/2014	Bumiputra T1	Mempunyai Pendaftaran seperti berikut: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ii) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra yang masih sah Gred : G6 Kategori : B Pengkhususan: B03 & B04 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Tarikh Dokumen Dijual: 28/11/2014 (Jumaat) Sehingga 12/12/2014 (Jumaat)	RM1,400.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 18/12/2014 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.
Lawatan Tapak DIWAJIBKAN jam 9.00 pada 28.11.2014 (Jumaat). Berkumpul di Pejabat JKR Klang. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Tel: 03 55447751						

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- *Jenis Syarikat Tempatan:
- T1 Syarikat 100% milik tempatan
 - A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
 - A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Insentif untuk penterjemah PPAS

PROGRAM penterjemahan karya antarabangsa akan dipergiat melalui kawal selia Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015, beliau berkata, Kerajaan Selangor juga mencadangkan insentif diberi kepada bakal penterjemah yang bekerjasama dengan PPAS.

Gerakan penterjemahan ialah strategi keilmuan dan kebudayaan yang dilalui tamadun Islam hingga mencetuskan The Baghdad Enlightenment (Pencerahan Baghdad) pada abad ke-10.

Selain itu, Yayasan Raja Tun Uda ditubuh bagi mengumpul dana dari sektor korporat untuk menambah koleksi bahan bacaan.

"Kerajaan Negeri juga akan

memberdayakan PPAS dari segi prasarana dan koleksi bahan bacaan yang merangsang pembacaan, keilmuan dan pemangkin percambahan pemikiran progresif," katanya.

Selain itu, kerajaan Selangor juga mencadangkan supaya waktu operasi perpustakaan dilanjutkan kepada jam 10 malam, selain dijadikan lokasi forum dan wacana bersifat pencerahan.

PERTERJEMAHAN KARYA ANTARABANGSA

Program Penterjemahan Karya Antarabangsa dikawal selia oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)

Insentif diberikan kepada bakal penterjemah yang bekerjasama dengan PPAS

Kerajaan Negeri akan memberdayakan PPAS dari segi Prasarana & koleksi bahan bacaan

Yayasan Raja Tun Uda telah ditubuh untuk mengumpul dana daripada sektor korporat dan koleksi bahan bacaan

Shah Alam, PJ jadi Kota Seni

KERAJAAN Selangor berazam menjadikan negeri ini, khususnya Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015, beliau berkata, Selangor adalah negeri yang menghimpunkan karyawan dan seniman paling ramai berbanding negeri lain.

"Ringkasnya, Selangor ibarat 'rumah besar' bagi seniman negara," katanya.

Pada sesi perbahasan 25 November lalu, Yeo Bee Yin (DAP-Damansara Utama) berkata Kerajaan Selangor perlu memanfaatkan sepenuhnya potensi

golongan seni di negeri itu.

Beliau menyokong cadangan untuk menjadikan negeri itu, khususnya kota-kota seperti Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai 'Kota Seni'.

"Seniman adalah aset besar yang perlu dimaksimum. Kesenian akan meningkatkan kualiti warga bandar yang mahu mewujudkan kota seni," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Kerajaan Negeri perlu menjelaskan lebih lanjut pelaksanaan kota seni kelak.

"Adakah akan membina dewan lebih banyak dengan bayaran sewa rendah, adakah kerajaan menyediakan lebih banyak studio?" katanya.

RM17 juta untuk peruntukan sukan

Kerajaan Negeri Memperuntukkan

RM17 JUTA untuk tujuan pembangunan atlet & Prasarana Sukan

Penubuhan Perbadanan Aset Sukan Negeri Selangor yang akan mengurus & menyelenggara Prasarana sukan seperti Stadium Shah Alam & Stadium Selayang



Peruntukan itu tepat selepas prestasi sukan Selangor dilihat belum mencapai tahap sebenar. Dengan adanya tumpuan kepada sukan, maka prestasi akan lebih membanggakan

MOHD KHAIRUDDIN
Adun Paya Jaras

KOTA SENI

Rumah Besar Para Seniman

Kerajaan Negeri berazam menjadikan Negeri Selangor khususnya Shah Alam & Petaling Jaya sebagai 'Kota Seni'



SEJUMLAH RM17 juta diperuntuk bagi 2015 untuk pembangunan atlet dan prasarana sukan, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, ia termasuk penubuhan Perbadanan Aset Sukan Negeri Selangor yang berperanan mengurus dan menyelenggara prasarana sukan.

"Umpamanya, Stadium Shah Alam, Stadium Kota Raja, Klang dan Stadium Selayang," katanya pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015.

Sebelum ini, SelangorKini

mendedahkan pelbagai keretakan hingga menjejaskan aktiviti anak muda di negeri ini.

Sementara itu, Mohd Khairuddin Othman (PAS-Paya Jaras) yakin peruntukan berkenaan memberi kesan positif terhadap prestasi atlet.

Bagaimanapun, katanya, organisasi sukan dan kerajaan perlu bekerjasama memastikan program pembangunan tepat dan berkesan.

"Peruntukan itu tepat selepas prestasi sukan Selangor dilihat belum mencapai tahap sebenar.

"Dengan adanya tumpuan kepada sukan, maka prestasi akan lebih membanggakan," katanya kepada Selangor Kini.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amiruddin Shari, pula berkata program pembangunan sukan dibuat secara sistematik dan konsisten.

Antaranya tumpuan ialah bola sepak, apatah lagi Selangor adalah gergasi sukan itu sejak 1950-an dan tumpuan utama peminat sukan negara ini.



SSIC diberi jenama baru

SELANGOR State Investment Centre (SSIC) dijenama semula kepada Invest Selangor Berhad (ISB) bagi memperkukuh sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata ia bagi memacu sektor pelaburan ke arah lebih membanggakan.

"Ini memberi imej baru di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam mempromosi Selangor sebagai destinasi pelaburan dan perdagangan terunggul," katanya.

SSIC Berhad ialah anak syarikat Kerajaan Negeri yang beroperasi

sejak 1999 dan berperanan mempromosi Selangor sebagai destinasi pelaburan terbaik di Malaysia dan rantau Asia.

Menerusi SSIC, prestasi pelaburan negeri antara 2000 hingga 2014 cemerlang dengan mencatat nilai tertinggi RM117.75 bilion daripada 4,173 projek perkilangan iaitu 19 peratus dari semua pelaburan di seluruh negara.

Sepanjang tempoh itu, sejumlah RM60.45 bilion adalah pelaburan tempatan dan RM57.30 bilion pelaburan asing dan ia mewujudkan 328,168 peluang pekerjaan.

Walau kewangan kukuh tak wajar pampasan tinggi

PAMPASAN kepada lapan kakitangan Menteri Besar Incorporated (MBI) wajar jika jumlah pampasan munasabah, kata wakil Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Ng Suee Lim (*gambar*).

"Walaupun kedudukan kewangan kukuh, itu tidak bermakna ia boleh digunakan sewenang-wenangnya.

"Sudah lupakah kepada tanggungjawab ketelusan dan intergriti yang dilau-laungkan selama ini," katanya

Pada sesi perbincangan, beliau minta penjelasan butiran terperinci dan pendedahan laporan semakan audit pemberian pampasan berjumlah RM2.6 juta.

Sue Lim berkata, keputusan



hari terakhir pentadbiran Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim itu pampasan terbesar dalam sejarah Selangor setakat ini.

"Kenapa tergesa-gesa diluluskan dan dibayar, apa agenda tersirat, hairan media laporkan bekas Menteri Besar tidak tahu jumlah sebenar," katanya.

Cadang portfolio bertindih digabung

SUSUNAN portfolio Kerajaan Negeri yang bertindih patut digabung untuk melicinkan pentadbiran, kata Adun Kampung Tunku, Lau Weng San (*gambar*).

Katanya, portfolio Pembangunan Usahawan harus bergabung dengan Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan manakala Kebajikan harus bergabung dengan Kerajaan Prihatin.

"Kerajaan harus memikirkan portfolio Pekerja Ladang ditukar nama kerana majoriti pekerja ladang dan estet di Selangor pekerja asing dan bukan rakyat Malaysia berketurunan India.

"Ini menjadikan portfolio yang wujud sejak zaman pentadbiran



Barisan Nasional tidak sesuai dengan keperluan semasa," katanya.

Pada sesi perbincangan, beliau berkata, kerajaan Pakatan Rakyat yang bersikap reformis harus menilai kembali penyusunan semula portfolio itu.

Promosi pelaburan lebih sekali ganda

KERAJAAN Selangor mencadangkan sejumlah RM16.6 juta diperuntukkan berbanding 6.6 juta tahun bagi menarik pelaburan ke negeri ini.

Ia berikutan pentadbiran Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengambil berat sektor pelaburan yang dianggapnya penting bagi menjana ekonomi negeri.

Sebelum ini, peruntukan untuk Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan

ialah RM5 juta dan promosi pelaburan RM1.6 juta.

Kali ini, tumpuan utama aktiviti promosi pelaburan ialah melalui ekspo perdagangan bertaraf antarabangsa dan usaha E-Commerce.

"Kerajaan Negeri menyedari kepentingan pelaburan yang mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor, mencipta kawasan baru yang menyokong kegiatan perkilangan dan

pengembangan sektor perkhidmatan.

"Pelaburan mempunyai kesan gandaan (multiplying effect) dari sektor perkilangan untuk membantu industri lain seperti perumahan, logistik, perhotelan dan industri makanan," katanya.

Selangor menyumbang 23.7 peratus kepada Keluaran Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan gabungan bersama Kuala Lumpur membentuk 39.2 peratus.

PELABURAN

Penjenamaan semula SSIC kepada Invest Selangor Bhd



RM16.6 juta untuk aktiviti dan promosi pelaburan melalui ekspo perdagangan bertaraf antarabangsa dan usaha e-commerce



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak	Pembelian Dokumen
Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Sebanyak 2496 Unit Secara Berperingkat termasuk Sesebuah Surau 2 Tingkat, Bangunan Sokongan TNB, Rumah Pam Syabas dan 1 Bangunan Kemudahan Awam 2 Tingkat yang Mengandungi Dewan Serbaguna, Tadika, Taska, Bilik Bacaan, Tandas Awam & Pejabat di atas PT5039 H.S (D) 73845, Sungai Sering, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred: G7 Kategori: CE Pengkhususan: CE01 dan CE21 (Pembinaan Jalan dan Pavmen dan Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam) Taraf: Bumiputera Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM 1,450.00 (Tidak Akan Dikembalikan) Bayaran dalam bentuk Draf Bank/ Kiriman Wang atas nama:- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Selasa 2 Disember 2014 Jam 10.00 pagi Bilik Mesyuarat Alamanda, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (Taklimat Tender adalah WAJIB)	2 Disember 2014 sehingga 12 Disember 2014 Waktu Pejabat:- (8.30 pagi - 1.00 tengah hari dan 2.00 petang - 4.00 petang) Kecuali Jumaat (8.30 pagi - 12.00 tengah hari dan 3.00 petang - 4.00 petang)

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada 27 November 2014 (Khamis) pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat/penama yang dinamakan di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Untuk maksud ini, pemilik syarikat/penama tersebut hendaklah membawa dokumen asal Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Sila bawa bersama Cop Syarikat.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 17 Disember 2014 (Rabu), kepada:-

PENGARAH EKSEKUTIF
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
No Tel: 03-5544 7906, No Faks: 03-5510 4137

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kenyataan tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut:
<http://lphs.selangor.gov.my>

Internet percuma di luar bandar

KERAJAAN Selangor akan menyediakan perkhidmatan internet percuma berkelajuan 1 Mbps atau megabits per second di sekurang-kurangnya 2,500 hotspot.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia dijangka dibuat dalam lingkungan perkhidmatan seluas 100 meter.

Semua lokasi itu diadakan di tempat tumpuan awam di luar bandar dan kawasan yang tiada kemudahan internet.

Terdahulu, beliau berkata, Selangor pada 2013 memiliki 5,058 hotspot point iaitu lokasi yang ada perkhidmatan internet tanpa wayar.

Kerajaan Negeri sebelum ini menyediakan perkhidmatan WiFi Selangorku secara percuma tetapi prestasinya hanya meliputi 112 hotspot sahaja.

Bermakna, hanya dua setiap DUN dengan bayaran sewan bulanan RM1,000 setiap hotspot sekaligus menjadikan negeri ini belum boleh diisytihar sebagai negeri pemberi

“

Internet adalah keperluan asas bagi negerio maju seperti Selangor. Komunikasi internet ibarat tingkap besar untuk menerobos ke tiap pelusuk dunia tanpa sempadan

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

perkhidmatan WiFi percuma.

“Internet adalah keperluan asas bagi negerio maju seperti Selangor. Komunikasi internet ibarat tingkap besar untuk menerobos ke tiap pelusuk dunia tanpa sempadan.

Internet juga memainkan peranan besar dalam perancangan, pembangunan dan pentadbiran negeri,” kata Mohamed Azmin.

WIFI BERKELAJUAN TINGGI

di seluruh Selangor dengan mewujudkan

2500 HOTSPOTS WIFI DENGAN RADIUS SELUAS 100 METER

yang akan memberi liputan hampir seluruh pelusuk Selangor

Penggunaan Ekonomi digital dapat dipertingkatkan & membawa lebih ruang untuk para usahawan berjaya & meningkatkan taraf hidup



PEMBANGUNAN USAHAWAN MUDA

Memperkasakan Dana Usahawan Kampung

INSENTIF **RM 10,000**

Dana Usahawan Mikro Selangor

INSENTIF **RM 30,000**

Program lahirkan usahawan digital

KERAJAAN Selangor akan membangunkan sistem maya, Wahana Pemasaran Keusahawanan Selangor bagi memudahkan usahawan mempromosi produk dan perkhidmatan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata fokus diberi kepada program pem-

angunan usahawan digital melalui kerjasama dengan anak syarikat Kerajaan Negeri.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015, beliau berkata, Kerajaan Negeri komited untuk mempersiapkan usahawan bagi merebut peluang perniagaan.

“Ia berikutan pola terkini,

penggunaan internet dijangka mencecah 25 juta menjelang 2015,” katanya.

Selain itu, Kerajaan Negeri memperkasakan Dana Insutri Kampung kepada Dana Usahawan Mikro Selangor dengan meningkatkan insentif daripada RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan.

PENDAPAT ORANG RAMAI

Langkah menyediakan perkhidmatan WiFi Selangorku secara percuma dengan lebih menyeluruh mendapat sanjungan rakyat khususnya generasi muda. Ia membuktikan keseriusan Kerajaan Selangor melahirkan masyarakat berilmu.

Langkah meningkatkan akses internet bersesuaian dengan kehendak semasa. Mungkin kemudahan sebelum ini tidak cukup maka tindakan dibuat. Ini bagus untuk manfaat semua rakyat. Saya puji langkah ini dan berharap ia bukan gimik.?

Mohd Termizi Abu Bakar, 51
Ahli Perniagaan



Peluang golongan muda mendapat pendidikan sempurna dan menuntut ilmu dengan meluas. Sekaligus mengurangkan budaya lepak kerana ia boleh diperoleh di merata tempat termasuk di rumah. Tindakan Kerajaan Negeri bagus dan relevan

Siti Rawan Baharom, 54
Pengusaha kafeteria





KERAJAAN Selangor meningkatkan peruntukan sektor pertanian kepada RM14.47 juta pada 2015 berbanding RM10 juta tahun sebelumnya.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata ia penting bagi menjamin bekalan makanan mencukupi.

Kerajaan Negeri juga meningkatkan kemahiran peladang, penternak dan nelayan untuk menguasai kemahiran berteknologi tinggi.

"Potensi pertanian besar jika kita bersedia menggunakan teknologi berinovasi dan menguasai teknologi.

"Selangor mampu jadi Belan-

Peruntukan RM14.47 juta jamin bekalan makanan cukup

da yang saiznya kecil dari Pahang tetapi menjadi pengeluar makanan kedua terbesar di dunia ekoran kemahiran teknologi dan menguasai 'global supply chain', katanya.

Untuk pembangunan nelayan dan petani, beliau berkata, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

untuk menjayakan program ekonomi nelayan tradisi.

"Nelayan akan mengikuti program pembangunan seperti pemasangan sistem ais, pemulihan kolam sangkar program 'Jom Bertani' dan elaun sara hidup nelayan darat yang semuanya berjumlah RM15.3 juta," katanya.

**RM
14.47
JUTA**

SEKTOR PERTANIAN

KESELESAAN LUAR BANDAR RM4 JUTA NAIK TARAF KEMUDAHAN AWAM TERMASUK BALAI RAYA

KENAIKAN 300%

**RM
12
JUTA**

**RM
100**

PENINGKATAN ELAUN PENERUSI JKKK & PARA IMAM

Tambah 300 peratus peruntukan luar bandar

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor meningkatkan peruntukan sehingga 300 peratus bagi memastikan penduduk luar bandar menikmati infrastruktur lebih selesa.

"Kerajaan Negeri prihatin terhadap keperluan pembangunan di luar bandar ter-

masuk kampung tradisi terutama pembangunan infrastruktur dan sosial," kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, pembangunan infrastruktur merangkumi aspek pembaikan dan pembinaan baru kemudahan awam

desa seperti kemudahan sukan serta kemudahan asas desa seperti jalan, longkang dan peparitan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri turut memperuntuk RM4 juta lagi bagi menaik taraf kemudahan awam desa seperti balai raya.

Peranan imam diiktiraf

SELARAS dengan peranan imam masjid yang kian mencabar dalam mengimarah masjid, Kerajaan Selangor menambah elaun mereka sebanyak RM100 sebulan.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia menjadikannya RM850 mulai tempoh sama.

"Seramai 700 imam mendapat

“

Seramai 700 imam mendapat manfaat ini

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

manfaat ini,"katanya, menambah peranan masjid sebagai institusi masyarakat banyak membantu pembentukan umat madani.

Sementara itu, Imam Masjid Kampung Melayu Subang, Zainal Abidin Ahmad menyifatkan kenaikan itu mendorong mereka lebih komited melaksanakan tugas.

Sambil memuji kenaikan berkenaan, beliau berkata tugas selaku imam penting dan penambahan elaun itu disambut baik.

"Sangat elok dan saya bersyukur apabila Dato' Menteri Besar umumkannya semalam.

"Kalau tiada imam akan timbul masalah di sesuatu kawasan atau kampung,"katanya kepada Selangor Kini.

Ulama perlu bebas beri kuliah agama



Yaakob Sapari

KERAJAAN Selangor perlu memberi kebebasan kepada ulama mengadakan ceramah di Selangor, kata Yaakob Sapari (PKR-Kota Anggerik).

"Prinsip kebenaran perlu dilaksanakan, ulama diberi kebebasan dan pemberian tauliah harus dipermudahkan.

"Di Johor, penceramah seperti Ustaz Azhar Idrus tidak dibenarkan berceramah, harap Selangor tidak begitu,"katanya pada sesi perbincangan 26 November lalu.

Sebaliknya, pendakwah bebas Wan Ji Wan Hussin dilarang memberi kuliah agama di mana-mana masjid dan surau seluruh Selangor.

Ia berdasarkan surat pekeling Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) minggu lalu atas alasan tidak memiliki tauliah.

Mencadangkan sukatan pelajaran di masjid dan surau disediakan, beliau berkata, kebanyakan majlis ilmu di negeri ini bagaimanapun bebas dan tidak tertakluk kepada teks.

Elaun JKKK dinaikkan daripada RM800 ke RM900

ELAUN Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dinaikkan bagi mengiktiraf peranan mereka dalam memaju dan menjaga keselamatan kampung.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia dinaikkan dari RM800 kepada RM900 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2015.

"Seramai 446 Pengerusi JKKK akan menerima faedah itu

mulai tahun depan manakala struktur Ketua Komuniti Kaum India sedang diperkemas bagi dicadangkan imbuhan muna-sabah,"katanya.

Kenaikan itu kali kedua selepas kali pertama pada 2009 daripada RM450 kepada RM800.

Sementara itu, cadangan berkenaan sekalipun dalam jumlah yang dianggap kecil, disambut baik ketua kampung

di negeri ini.

"Kita bersyukur, Walaupun belum memadai tetapi setidaknya ada kenaikan. Jumlah RM800 ke RM900 masih di bawah paras kemiskinan.

"Kerajaan Negeri menunjukkan penghargaan kepada kita," kata Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Budiman, Muhammad Noh Sarjo.

Pengerusi JKKK Kampung Batu 13, Puchong, Ruslan Mat @ Mohd Shah, pula, berkata kenaikan itu mendorong mereka menambah baik perkhidmatan kepada rakyat.

"Memang elaun sedia ada kurang tetapi ia makin bertambah dan baik. Tugas berat juga, tindakan Kerajaan Negeri tepat dan diharap lebih pembelaan lebih pada masa depan," katanya.

“

Kita bersyukur, Walaupun belum memadai tetapi setidaknya-tidaknya ada kenaikan. Jumlah RM800 ke RM900 masih di bawah paras kemiskinan.

MUHAMMAD NOH SARJO
(JKKK) Kampung Budiman

SUNWAY eastwood @ Puchong South

Milikilah Kediaman Idaman Anda Hari Ini!


UNIT BUMIPUTRA SAHAJA

Berdekatan persimpangan **MEX** (sedang dibina)

RUMAH BERKEMBAR & SUPERLINK



Impresi Artis

www.sunwayproperty.com/eastwood  **1800 222 988**

Sunway Eastwood Sdn Bhd (795327-T)
Lobby Level, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-5639 9000

Sales Gallery :
Sunway Eastwood Clubhouse,
Jalan Equine 3, Taman Equine,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
Tel: 03-8958 1777



 Sunway Property
 Sunway Property



• Developer: Sunway Eastwood Sdn Bhd • Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, 47500 Bandar Sunway, Selangor DE • Developer's License No.: 11718-1/12-2014/01433(L) • Validity Period: 21/12/2013-20/12/2014 • Advertising & Sales Permit: 11718-1/12-2014/11433(P) • Validity Period: 21/12/13 - 20/12/14 • Tenure of Land: Leasehold 99 years (Expiring on 25 June 2112) • Land Encumbrances: Alliance Bank Malaysia Berhad • Restriction in Interest: The land shall not be transferred, leased or charged without prior approval by the State Authority. Phase 1 (Semi-D & Bungalow) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/KW/C-9/58 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: December 2014 • Semi-D (Type A), 5 units, Price: RM2,463,000 (min) - RM3,153,000 (max) • Semi-D (Type B), 12 units, Price: RM2,356,000 (min) - RM2,954,000 (max) • Semi-D (Type C), 7 units, Price: RM2,300,000 (min) - RM2,880,000 (max) • Semi-D (Type D), 13 units, Price: RM2,143,000 (min) - RM2,823,000 (max) • Bungalow, 2 units, Price: RM4,509,000 (min) - RM4,736,000 (max) • Phase 1C (Semi-D) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/KW/C-9/58 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: August 2017 • Semi-D (Type E), 12 units, Price: RM2,463,000 (min) - RM2,954,000 (max) • Semi-D (Type F), 18 units, Price: RM2,143,000 (min) - RM2,880,000 (max) • Phase 3 (Park Villa) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/600-1/10/4 (BP6-5) • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: February 2017 • Park Villa (Type A): 25 units, RM1,430,000 (min) - RM1,896,000 (max); Park Villa (Type B): 36 unit, RM1,495,000 (min) - RM1,832,000 (max); Park Villa (Type C): 5 units, RM1,273,000 (min) - RM1,681,000 (max) • Bumiputra discount of 7% • The information contained herein is subject to change without notification as may be required by relevant authorities or the developer's consultant and cannot form part of an offer or contract. Actual built-up of units may vary slightly from measurements given. Whilst every care is taken in providing this information, the owner, developer, managers cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist's impressions only. The items are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the Company's consultants and/or relevant Approving Authorities.

40 YEARS
A PART OF YOU

SUNWAY™



RM600 juta wang MARRIS selenggara jalan

KERAJAAN Selangor dijangka memperoleh RM600 juta dari Kerajaan Persekutuan untuk Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (Marris).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri akan membelanja peruntukan itu bagi kerja berdasarkan garis panduan tatacara penyelenggaraan jalan negeri.

"Kita sedia meningkatkan peruntukan Marris tertakluk kepada keupayaan agensi pelaksana. Kelulusan peruntukan selain jalan dan longkang akan dilakukan mengikut permohonan kes," katanya.

Menjawab pertanyaan mulut Shahrum Mohd Sharif (BN-Dengkil) berhubung peruntukan Marris, Mohamed Azmin juga mengulangi jaminan untuk menggunakan sepenuhnya peruntukan itu dengan efisien.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga sudah membuat perancangan komprehensif bagi memastikan semua jabatan dan agensi pelaksana memahami keperluan sebenar.



Katanya, Kerajaan Negeri juga memastikan semua jabatan dan agensi pelaksana mengemas kini data dalam sistem Marris secara talian berhubung jalan raya seliaan mereka.

"Jawatankuasa pentadbiran kumpulan wang amanah penyelenggaraan jalan negeri turut mempertimbang permohonan tambahan yang selaras dengan Marris.

"Penambahbaikan ke atas tatacara urusan kumpulan wang penyelenggaraan negeri ini dibuat dari masa ke masa mengikut kesesuaian," katanya.

Menjawab pertanyaan Datuk Shamsudin Lias (BN-Sungai Bu-

rong) berhubung langkah memastikan agensi yang dilantik dapat melaksanakan projek penyelenggaraan, Mohamed Azmin berkata, mereka akan diberi latihan kemahiran.

"Agensi pelaksana perlu kenal pasti projek dan jalan berlubang supaya kerja pengeluaran tender dapat dibuat awal tahun sebelum kerja dilaksanakan.

"Kerajaan Negeri juga bersejua mengadakan program latihan bagi memastikan semua jurutera di pihak berkuasa tempatan (PBT) diberi latihan kemahiran bagi pengendalian kerja dalam Marris," katanya.

Semak kenaikan fi lesen perniagaan

BANTAHAN kenaikan kadar fi lesen perniagaan yang diluluskan pada 2007, mendorong pentadbiran baharu pimpinan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali untuk menyemak pelaksanaannya.

Beliau mahu menyemak 33 jenis perniagaan yang dikenakan selepas ia dikuat kuasa tahun ini berikutan kadar kenaikannya agak tinggi.

"Bagi menjamin prinsip

kepedulian terhadap golongan peniaga terutama peniaga kecil, Kerajaan Negeri akan membuat semakan," katanya.

Pelbagai pihak mendesak kenaikan fi lesen perniagaan ditangguh berikutan kadarnya tinggi, antara 100 hingga 500 peratus.

Apatah lagi, tahun ini juga menyaksikan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang dikenakan Kerajaan Persekutuan.

Bonus di bayar 18 Disember

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan bonus sebulan setengah gaji kepada penjawat awam Selangor.

Katanya, pemberian bonus akhir tahun itu bagi membantu penjawat awam menghadapi persediaan persekolahan anak-anak.

Bagaimanapun, beliau berkata, bonus yang dijadual dibayar 18 Disember ini hanya setengah bulan gaji berikutan sebulan gaji diberi semasa sambutan Aidilfitri lalu.

"Sebuah kerajaan yang efisien dan kuat adalah hasil daripada sinergi dan usahasama pentadbiran awam.

"Ini dilakukan atas sumbangan mereka dalam melaksanakan dasar Kerajaan Negeri secara profesional dan berintegriti," katanya.

Beliau berkata, Katanya, ia bagi menghargai sumbangan penjawat awam yang mengurus dan membantu menyelaras pelbagai sektor pentadbiran dan pembangunan.

*Agenda Merakytakan Ekonomi Selangor
Terus Menerus Ditambah Sejak Tahun 2008*

SKIM BANTUAN TADIKA SELANGOR

RM 50.00

(Setiap bulan atau nilai yang mana lebih rendah)

Mengurangkan pembayaran yuran anak-anak berumur 5 & 6 tahun dari keluarga berpendapatan RM 2500 kebawah di TADIKA yang berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor (MPTS)

<http://e-tunas.org>

BANTUAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR

MOHONLAH SEKARANG!

<http://mes.selangor.gov.my/>

☎ 03-5510 3468

📘 messelangor

Hasil Negeri untuk Rakyat

SKIM BANTUAN ASUHAN RAKYAT

RM 100.00

(Setiap bulan atau nilai yang mana lebih rendah)

Mengurangkan perbelanjaan yuran anak-anak berumur 4 tahun ke bawah di TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

<http://e-sikembar.org>

KUNJUNGI PUSAT KHIDMAT DUN TERDEKAT ANDA

SUDAHKAN ANDA MENDAPATKAN MANFAAT (MES) YANG DITAWARKAN?

Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS). Tabung Anak Pekerja Ladang. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS). Hadiah Anak Masuk Universiti (HPIPT) Insentif Perkahwinan Belia Selangor. Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR). Skim Mikrokredit wanita Ladang (WALA). Skim Mikrokredit Selangor (SkimSEL). Skim Kesihatan Wanita (SKW). Pusat Dialisis Rakyat (PDR) Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan banyak lagi..

Diurusenggara oleh Rantailan Mesra Sdn Bhd (RMSB) Aras G Bangunan Darul Ehsan, No. 3 Jalan Indah Seksyen 14 40,000 Shah Alam

Tidak populis tapi bertanggungjawab

Selangor wajar memiliki kelas menengah atas lebih lebar dengan kerancangan pelaburan dan kegiatan ekonomi bernilai tambah lebih tinggi

MUKA 3

Belanja mengurus menurun ke 53 peratus

Dengan meningkatkan belanja pembangunan, saya yakin ia dapat membantu yang saya sebutkan tadi, kesan gandaan dari segi aktiviti pembangunan di Selangor dan tingkatkan hasil

MUKA 3



Pengiktirafan kepada pembangkang Negeri lain patut contohi Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan negeri lain termasuk Johor patut mencontohi Kerajaan Selangor yang memberi peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang.

Adun Bukit Batu di Johor, Jimmy Puah Wee Tse meminta kerajaan Umno BN itu mengikuti langkah Selangor memberi pengiktirafan kepada Ketua Pembangkang negeri itu.

"Kerajaan Johor tidak beri peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang. Semua perlu buat permohonan

terus kepada Pejabat Menteri Besar untuk peruntukan khusus.

"Tapi, semua permohonan saya tidak pernah sekali pun dijawab," katanya pada kenyataan media 25 November lalu.

Beliau memuji Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang menyediakan peruntukan RM200,000 setahun kepada wakil rakyat pembangkang iaitu Umno.

Kerajaan Pulau Pinang juga mem- peruntuk RM40,000 kepada wa-

kil rakyat pembangkang untuk projek berskala kecil di kawasan pembangkang.

"Anak Johor patut diberi layanan sama dan menikmati manfaat hasil pembangunan, tidak kira sama ada mereka ada di kawasan BN atau Pakatan.

"Rakyat di kawasan pembangkang tidak patut dianak tiri," katanya yang menyifatkan Kerajaan Selangor dan Pulau Pinang berpegang kepada prinsip demokrasi.

Wan Azizah: Tubuh sukarelawan tangani denggi

Kerajaan Selangor disaran menubuh pasukan sukarelawan tempatan bagi memastikan hal kesihatan dapat ditangani, kata Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Kajang) (*gambar*).



Katanya, penubuhan itu mampu menangani masalah seperti denggi, selain membangkitkan kesedaran sivik.

"Jika anggota pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan Selangor tidak cukup, tubuhkan sukarelawan tempatan bagi bersihkan tempat pembiakan Aedes.

"Kita bimbang dengan kesedaran sivik rakyat yang akhirnya menyebabkan persekitaran dalam keadaan kotor.

"Ini akhirnya menyumbang masalah lain seperti banjir kilat," katanya pada sesi perbincangan DNS.

Wujudkan pusat sokongan OKU

Kerajaan Selangor perlu menambah baik sistem terhadap golongan kurang upaya (OKU) bagi memastikan golongan itu tidak dipinggir dari pembangunan negeri.

Mohd Khairuddin Othman (PAS-Paya Jaras), berkata Selangor tidak ada sistem mantap untuk OKU, malah bantuan juga tidak mencukupi.

"Kita tiada sistem mantap terhadap OKU sehingga mereka sering tertanya-tanya bilakah bantuan akan sampai?"

"Saya merayu supaya mewujudkan pusat sokongan OKU untuk mereka bergerak sesama sendiri," katanya pada sesi perbincangan 26 November lalu.

Khairuddin juga meminta isu penghakisan tanah rizab Melayu diberi perhatian berikutan masalah itu kian serius terutama di Sungai Buloh.



TERIMA KASIH...

Datuk M Nasir menyerahkan 'buah tangan' kepada Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, sebaik usai menonton persembahan Konsert Hati Emas Kembara di Istana Budaya. Selepas hampir 30 tahun tidak tampil dengan album baharu beliau muncul dengan beberapa lagu yang menjadi kegemaran ramai, antaranya Keroncong Untuk Ana, Impian Seorang Nelayan, Hati Emas, Gerhana dan Perhentian Pudu Raya